

Benarkan pemasangan demi kebaikan bersama

Berita mengenai Operasi Cermin Gelap bakal bermula pada Jumaat lalu mendapat pelbagai reaksi. Ketua Trafik Pasukan Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd Fuad Abd Latiff, berkata pemilik kenderaan diberi tempoh sehingga 15 Jun untuk mematuhi peraturan mengenai cermin gelap.

Selepas itu, kompaun RM300 akan dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan kerana tidak mengikut peraturan ditetapkan mengenai cermin gelap.

Nampaknya, masih ramai yang tidak bersetuju dengan ketidakbolehan penggunaan cermin gelap. Ada memberi alasan bahawa faktor cuaca di Malaysia yang semakin panas perlu diambil kira.

Silau jejas penglihatan

Silau hasil daripada pancaran cahaya matahari boleh menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku, kata mereka. Hal ini kerana silau boleh menjejaskan penglihatan pemandu sedangkan kita

seboleh-bolehnya berusaha untuk mengelak daripada berlakunya kemalangan.

Selain itu, ada juga berpendapat bahawa penggunaan cermin gelap dapat membantu menjamin keselamatan barang dalam kenderaan.

Tanpa cermin gelap, isi barang di dalam kenderaan dapat dilihat dengan jelas. Secara tidak langsung, keadaan ini mengundang pencuri untuk pecah masuk kereta. Bagi orang lain mungkin alasan itu sukar diterima. Tidakkah ada ruang di belakang kereta untuk menyimpan barang?

Penggunaan diberi kelonggaran

Apapun, penggunaan cermin gelap sudah diberi sedikit kelonggaran. Mungkin ia perlu dikaji semula. Penggunaan cermin gelap dibenarkan di bawah peruntukan Kaedah 5(1) dan Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2000.

Kaedah ini menetapkan cermin depan hendaklah telus cahaya



Keratan akhbar BH pada 16 Mei mengenai penguatkuasaan cermin gelap.

tidak kurang 70 peratus. Cermin belakang dan tepi hendaklah telus cahaya tidak kurang daripada 50 peratus.

Terdapat pengecualian pada kawasan 20 peratus memanjang sebelah atas cermin hadapan

kenderaan dan pada tingkap tepi semua jenis kenderaan dan pada tingkap tepi semua jenis bas atau karavan kecuali bagi tingkap sebelah kiri atau kanan pemandu.

Mungkin pemandu atau pemilik kenderaan perlu ambil kira kes-

“Tanpa cermin gelap, isi barang di dalam kenderaan dapat dilihat dengan jelas. Secara tidak langsung, keadaan ini mengundang pencuri untuk pecah masuk kereta”

suaiannya. Tentunya cermin yang terlalu gelap mengundang persoalan lain bagi anggota keselamatan yang mengadakan sekatan jalan, misalnya.

Jadi, tidak salah sekiranya kita terus pertimbangkan isu ini demi kebaikan bersama. Lagipun, negara maju seperti Jepun dan Singapura membenarkan cermin gelap.

Norhafizah Azizan,
Universiti Sains Islam Malaysia